

## Di Sekitar Persoalan Kritik

Oleh: Budiman Radhi

Kritik ertinya kecam, menegur sesuatu kesalahan yang berharap perbaikan dan kebaikan semata-mata dan tidak lebih daripada itu. Itu ertinya kritik sihat, kritik membangun dan membina. Caci adalah lain duduknya dengan kritik. Caci tidak bermaksud untuk kebaikan, tetapi semata-mata memburuk dan menghina-hinakan. Cacian sering dilepaskannya dengan rasa benci yang mendalam. Manusia lebih suka tertarik kepada mencaci, kerana itu adalah kepuasan hatinya yang mendongkol dalam yang ingin dilepaskannya semau-maunya, maka mudah sahaja dia mengeluarkan fitnah dan kata-kata dusta untuk memuaskan hatinya yang dicaci celakan itu. Fitnah dan dusta menjadi sahabat karim kepada manusia yang bersifat mencaci hingga dia dapat membakar perasaan orang, akhirnya menimbulkan kekeruhan pergaulan dan merosak jahanamkan masyarakat.

Bagi manusia yang jujur dan berjiwa besar yang tahu menimbang dirinya, tidak termakan baginya segala rupa caci cela, dia sendiri pandai menempatkan dirinya “tidak rosak kerana caci dan tidak mulia kerana puji” – syabas!

Tujuan kritik adalah perbaikan dan kebaikan untuk bermanfaat kepada manusia. Dia sentiasa menjadi hamba kepada sesuatu yang bernilai dan yang ternilai, itulah maka kita lihat kritik sentiasa memainkan peranan penting dalam menunjukkan sesuatu kesalahan, kekurangan, keletihan, kepincangan, kemungkaran, kesesatan dan sebagainya demi untuk mencapai perbaikan dan kebaikan

yang akan membawa kepada kesempurnaan hidup. Terkadang-kadang kritik pernah pula menunjukkan apa yang telah bagus dan baik – memperbagus, mempernilai yang bernilai.

Mengapa timbulnya kritik?

Kita sendiri mengetahui bahawa dalam hidup ada mempunyai dua sifat yang berlawanan: baik-jahat, adil-zalim, pandai-bodoh, benar-salah, suci-kotor, makruf-mungkar, hidayah-sesat, dan sebagainya. Manusia dalam menuju kebaikan, keadilan, kepandaian, kebenaran, tidak dapat lari dari sifat-sifat lawannya tadi, kedua-duanya sama memanjat tubuh dan menggegar jiwa. Kadang-kadang dilanda oleh sifat-sifat yang tak diinginkan dan terperangkaplah olehnya. Untuk menyedarkan diri yang sesat jalannya agar kembali ke pangkal jalan, perlu adanya kritik yang bermaksud perbaikan dan kebaikan. Manusia yang ingin kembali kepada kebenaran maka dia akan ingin kepada kritik-kritik perbaikan.

Kritik adalah suatu daya pemisahan antara baik dengan jahat, antara adil dengan zalim, antara pandai dengan bodoh, antara benar dengan salah, antara amanah dengan khianat, antara suci dengan kotor, antara makruf dengan mungkar, antara hidayah dengan sesat, antara iman dengan kufur. Kritik adalah merupakan saringan yang menyaring manusia kepada perbaikan dan kebaikan. Kritik mulia tempat duduknya, gagah tempat tegaknya, radikal sikapnya, tanpa pemilih bulu dan rupa, sentiasa menggembleng manusia kepada bahagia.

Kritik hendaklah berjalan menurut relnya, tidak keluar dari landasannya, berjalan atas kesedaran dengan berpandu kepada kebenaran. Sememangnya pun kritik adalah menjadi kebenaran. Dalam kritik juga ada pujian demi untuk mencari perbaikan dan kebaikan. Kritik bersikap memuji yang baik dan menyerang yang jahat dan salah. Pujian memang baik, tetapi sering manusia lupakan daratan dan melemahkan dirinya dalam mencapai kepada yang lebih utama. Segolongan manusia, pujian itu memberi *Success* dalam usahanya. Ini adalah bergantung kepada watak dan peribadi masing-masing. Yang sebaiknya pujian itu sejalan dengan kritik.

Sanjungan bererti pujian. Tetapi sifatnya lebih rendah daripada pujian. Manusia yang menerima sanjungan (pujian yang keterlaluan) sering lupa daratan, tidak sedar diri. Si yang memberi sanjungan, biasa kerana ada sesuatu yang diharapkan daripadanya, dia telah merupakan “telunjuk lurus kelingking berkait.” Si penyanjung tidak silu-silu mengangkat orang setinggi langit, dan sering membenar-benarkan sesuatu yang tidak benar pada orang yang dihadapi. Manusia penjilat (yang suka mengambil muka) ini adalah manusia yang bersifat korupsi budi. Penyanjung akhlaknya dalam hal yang seumpama ini.

Jadi, kritiklah yang memegang peranan dalam memperbetulkan sifat-sifat keterlaluan. Tegasnya kritik adalah mencahayakan sesuatu kebenaran, sedang pujian adalah menggelapkan sesuatu kesalahan.

Ya, kita akui bahawa dalam pergaulan kadangkalanya pujian mesti diberikan, tetapi janganlah sampai keterlaluan yang menyimpang dari maksud kritik kebaikan.

Kritik banyak corak bentuknya menurut dari lenggang

pengkritik sendiri. Setengahnya asal sudah dikritik habis perkara, tidak dikaji hasil atau tidaknya ini merupakan “arang habis besi binasa, tukang hembus penat!” Ada pula yang bersifat iri hati (Sentimen), hingga tidak ada perhitungan untung ruginya lagi, asal sudah puas hati nafsunya, sudah! Kritik yang bersifat pengacau ini hanya menjadi perosak semata-mata. Yang satu mempunyai alasan dan yang lain tidak beralasan yang konkrit. Manakah satunya kritik yang baik? Kritik yang baik ialah kritik yang menuju kepada perbaikan dan kebaikan. Inilah kritik yang sihat, kritik membangun dan membina!

Kritik yang menurut kata nafsu semata-mata tanpa berfikir lebih jauh, ini adalah kritik memerosak jahanamkan, kerana didorong oleh sentimen yang mendalam yang bersarangkan dengki, dendam dan iri hati yang telah berselaput tebal, yang telah menyelubungi kebenaran, hanya meradang menurut halanya sahaja. Kritik yang demikian adakalanya orang membenci dan tidak menghiraukan, adakalanya orang akan bertindak membalas kritiknya dengan lebih hebat dan lebih pedas lagi. Sudah sama-sama bertokak, balas-membalas gigitan. Sudah sama perang cakap (*Polymic*), akhirnya rosak persahabatan, keruh masyarakat, dan rendah darjat budi sebagai manusia yang berbudi, rendahlah peribadi sebagai manusia yang berperibadi. Yang paling jahat, tanpa periksa, tanpa usul bicara, ia menghentam kritik menurut amarah nafsu. Ini manusia yang sudah mempunyai nafsu kasar dan jahat. Akibatnya bukan kebaikan yang dicari, tetapi kerosakan dan keruntuhan semata-mata. Akhirnya kacau, timbul krisis – dan krisis!?

Orang yang dapat memberi kritik sihat dan membangun,

adalah manusia yang dapat memandukan dirinya ke jalan utama dengan maksud memimpin masyarakat kepada mulia dan hormat. Maka dia dihormati dan disegani oleh kawan dan lawan, dia akan dapat perhatian sebagai seorang pengkritik (*Criticus*) yang sihat.

Dalam saat pembangunan masyarakat dan negara kritik sihat yang membangun amat perlu, guna untuk mengoreksi perjalanan dan perkembangan kemajuan negara. Sangat diharap akan dapat menganalisis segala kelemahan dan kesalahan, dan memberi jalan-jalan perbaikannya. Kritik sihat sentiasa mengambil tempat yang salah diperbaiki dan yang tetap benar diperkuat dan diberi semangat galakan. Maka kritikus harus cermat dan lebih hati-hati memperhatikan dan menyelidiki sesuatu yang akan diperkatakan kepada masyarakat dengan dada yang lapang.

Tegasnya kritik yang bersifat sentimen adalah mengacau masyarakat, kritik bersifat cacian merosakkan masyarakat dan kritik sihat adalah membina masyarakat.

Ahli cerdik pandai Islam berpendapat bahawa kritik adalah satu perkara yang mesti demi untuk perbaikan dan kebaikan. Kalimah menegak makruf menegah mungkar adalah mesti berjalan dan dijalankan dengan kritik sihat dan bijaksana sebagaimana yang diperintahkan oleh al-Qur'an.

Di samping menghujani kritik terhadap orang lain, Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* pernah mengingatkan agar tidak lupa pula mengkritik diri sendiri demi menuju kebenaran. Tegasnya, kritik adalah mendatangkan hikmah dan kebajikan. Ia mendorong tenaga dalam merebut kemajuan dan kemuliaan, sehingga bermanfaat kepada umat manusia dalam mencapai keluhuran hidup dunia akhirat.

Di samping berfikir, mengatur, bekerja, maka kritik

adalah rangkaian dalam jumlah pembangunan kemajuan negara yang tak dapat dipisah-pisahkan, justeru merupakan suatu tenaga yang membina yang bulat. Istimewa negara yang bersifat demokrasi, sangat memerlukan adanya kritik demi dalam menuju perbaikan pembangunan negara – oleh perbaikan bersama untuk kebaikan bersama!

Pengkritik harus bersikap demi untuk mendorong kemajuan, bukan untuk kerobohan dan keruntuhan!

Pengkritik harus hati-hati jangan berbau kritik sentimen atau kritik semberono (membuta tuli). Kritik bukanlah suatu perkara yang mudah untuk diperkatakan menurut kehendak nafsu nanti tidak akan menghasilkan sesuatu, bahkan sesia-sia dan percuma.

Orang yang menerima kritik jangan lekas salah terima, jangan lekas marah dan bersikap “berpaling muka.” Bila menerima satu-satu kritik jangan dia beranggapan bahawa semua urusannya betul tak boleh dipersalahkan dan digangguikan. Pengajaran tauhid telah mengajarkan kita yang bahawa kita ini adalah baharu, tiap-tiap yang baharu berubah-ubah. Kita manusia, tiap-tiap manusia tidak sunyi dari kekurangan dan kesalahan. Sepatutnya kita mesti bersyukur lantaran ada kawan dan lawan yang memberi pertunjuk dengan kritik, kalau tidak kita akan tenggelam dengan sanjungan dan pujian yang menyesatkan. Kritik yang sihat adalah merupakan sebagai sahabat yang membela bukan sebagai musuh yang menyerang.

Siapakah orang yang anti kepada kritik?

Dalam penyelidikan saya menurut sepanjang sejarah politik, bahawa orang yang paling anti kepada kritik ialah dari tiga golongan manusia, iaitu golongan

diktator, feudal dan birokrasi.

Si diktator bersifat yang hanya fikirannya, kerjanya dan tindakannya sahaja yang betul. Dia berbuat dan bertindak sesukanya sahaja, tidak boleh dikritik dan tidak menerima kritik. Orang yang mengkritik dipandang salah. Dalam dunia kediktatorannya tidak ada kritik.

Si feudal, yang terdiri dari orang bangsawan (orang keturunan raja, orang besar), yang memandang dirinya orang besar dan mulia yang dipatuh dan ditaati, tidak boleh ditegur dan dikritik, tidak boleh orang kecil, rendah, hina, menegur orang besar, dan itu dipandang tidak sopan (biadab), tidak tahu adat.

Si birokrasi, iaitu kakitangan pekerja pada badan-badan pemerintah, yang lebih dikenal dengan nama pegawai pemerintah. Apa yang dibuat, apa yang dikerja, apa yang dia bertindak, semuanya dipandang patut dan bagus belaka, tidak boleh rakyat kritik dan tidak diterima kritik sama sekali, bahkan dipandang lawan.

Demikian pula orang-orang yang dapat pangkat atau bintang kehormatan dari pemerintah atau pembesar negara, kebanyakan jiwanya sudah membebek macam jiwa feudal, tak boleh dan tak mahu lagi dikritik, bahkan anti-kritik.

Dia rasa sudah macam orang besar yang hanya perlu mau gembur-gembur dan dipuji-puji sahaja.

Kesemua golongan ini lupa daratan tempat berpijak, lupa dahan tempat bergantung, gelap dalam hal kebenaran, sesat di dalam terang, tertipu oleh perasaan megah dan lebih-lebih yang didokong oleh perasaan kebesarannya. Golongan ini merasa hidupnya berleluasa, dan berkuasa boleh berbuat sekehendak nafsu, akhirnya timbul sifat-sifat keji, zalim, tidak kenal keadilan dan kebenaran, melanda kebenaran segala. Kalau ada orang yang berani kritik maka dia dianggap bersalah dan dihukum. Wahai, lautan mana gerangan tak bergelombang – bumi mana yang tak ditimpa hujan!?

Mengkritik diri sendiri:

Kritik diri sendiri adalah suatu perkara yang baik sebelum orang mengkritik kita. Memperhitungkan diri kita sendiri lebih dahulu sebelum diperhitungkan oleh orang lain, supaya tidak tambah banyak kritik-kritik yang diberikan. Orang bijaksana sering melakukan kritik sendiri (*Selfcritic*), memeriksa dirinya, langkahnya, sikapnya dan tindakannya, sesuatu yang dilaksanakannya adalah dengan hati yang penuh rasa tanggungjawab dan bertanggungjawab. Kalau ada pun kritik dari orang lain hanya tidak seberapa dari sebelum mulanya dihalusi dan diperiksa dirinya, namun demikian tidak boleh dianggap dirinya tidak kena kritik lagi. Kebenaran yang ada padanya masih memerlukan ujian dengan pendapat umum, yang dicerminkan oleh kritikus-kritikus lainnya, kerana sebagai manusia yang bersifat bersendirian tentu masih belum luput dari kelemahan dan kesalahannya yang kadang-kadang kabur juga olehnya.

**SUDAH TERBIT!**

**PERSURATAN MELAYU III**

**DRAMA**

**Harga \$7.00**

Pesan kepada: –

**QALAM**

356 & 358, Geylang Road,

Singapore, 14.